

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 8 JUN 2015
SOALAN :**

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk membendung harga ubat-ubatan yang mahal dalam pasaran yang membebankan para pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, pada masa ini sistem kawalan harga ubat belum dilaksanakan lagi. Walaubagaimanapun, KKM telah menjalankan aktiviti pemantauan harga ubat-ubatan dan menyediakan Harga Panduan Pengguna (*Consumer Price Guide, CPG*) bagi sebahagian ubat-ubatan di pasaran sebagai panduan perbandingan harga oleh pengguna. Maklumat ini boleh dicapai melalui laman sesawang www.pharmacy.gov.my. KKM juga sedang mengkaji mekanisme bagi meningkatkan bilangan maklumat harga ubat-ubatan ini.

Menyedari bahawa mekanisme penyeragaman harga ubat-ubatan terutamanya di sektor swasta adalah amat penting ke arah menyediakan sistem kesihatan yang berkualiti, pihak KKM telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan untuk mendapat pandangan-pandangan mereka.

KKM memandang serius terhadap isu harga ubat memandangkan akses rakyat kepada ubat mampu milik (*affordable medicines*) merupakan salah satu komponen dalam Dasar Ubat Nasional (DUNas) dan masih mengkaji mekanisma penentuan harga yang bersesuaian dengan sistem kesihatan di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN : 72

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah punca Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) menghadapi penguncupan '*passenger traffic growth*' sebanyak 1.5% untuk suku pertama 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguncupan '*passenger traffic growth*' sebanyak 1.5% untuk suku pertama 2015 yang dirujuk adalah merupakan statistik menggunakan data awalan sebelum ianya dimuktamadkan. Berdasarkan statistik terkini yang telah dimuktamadkan, trafik pergerakan penumpang di semua lapangan terbang Negara bagi suku pertama 2015 telah mencatatkan 21.03 juta penumpang berbanding 21.20 juta pada suku pertama 2014 iaitu penurunan sebanyak 0.83%. Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam pergerakan penumpang antarabangsa yang turun daripada 10.22 juta pada 2014 ke 9.89 juta bagi tahun 2015

Pengurangan ini disumbangkan oleh faktor penurunan penumpang yang berterusan untuk sektor China selepas kejadian MH370 pada 8 Mac 2014 iaitu iaitu penurunan di dalam lingkungan 11.0%. Di samping itu, terdapat juga beberapa kesan ke atas sektor Timur Tengah berikutan pergolakan yang berlaku di kawasan tersebut di mana trafik penumpang menurun sebanyak 6.1% berbanding dengan suku yang sama tahun 2014.